

Air pasang 'mengganas'

KUANTAN: Seramai 625 mangsa banjir akibat fenomena air pasang besar di daerah Rompin masih ditempatkan di tiga pusat pemindahan sementara sejak malam kelmarin, selepas air mulai surut awal pagi semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, ketika dihubungi semalam berkata, sehingga jam 5 petang semalam, 300 mangsa dibenarkan pulang ke rumah selepas dua pusat pemindahan iaitu di Majlis Daerah Rompin dan Balai Raya Kampung Rekoh ditutup.

"Hanya 625 mangsa masih berada di pusat pemindahan berbanding 946 orang pagi semalam, daripada jumlah berkenaan, seramai 137 orang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sarang Tiong, SK Pianggu (430) dan Dewan Teluk Gading (58)," katanya.

Seorang mangsa yang dibenarkan pulang, Saad Bakar, 60, dari Kampung Mentara, dekat Rompin, berkata, dia pulang ke rumah kira-kira jam 9 pagi semalam.

Katanya, fenomena air pasang besar sememangnya sudah dijangka namun dia tidak sempat menyelamatkan semua barangan di dalam rumah.

"Pihak berkuasa sudah mengeluarkan amaran sejak

Sabtu lalu namun ketika itu air sudah mula naik berikutan hujan berterusan dan saya hanya sempat memindahkan beberapa barangan penting saja," katanya.

Saad berkata, air pasang besar yang berlaku malam kelmarin menyebabkan beberapa barangan ditinggalkan seperti peti sejuk dan mesin basuh rosak selepas ditenggelami air.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tioman, Datuk Mohd Johari Hussin berkata, pihak berkuasa sudah melakukan usaha terbaik untuk memindahkan mangsa ke pusat penempatan banjir sementara dengan segera selepas air pasang besar mula berlaku kira-kira jam 9 malam kelmarin.

"Ketika itu berlaku pertambahan mendadak mangsa banjir ditambah dengan mangsa sedia ada yang sudah ditempatkan di pusat penempatan selepas banjir kembali berlaku di daerah ini sejak Sabtu lalu," katanya yang turut melawat mangsa banjir di beberapa pusat penempatan.

Menurutnya, fenomena air pasang besar yang berlaku menyebabkan beberapa kampung dilanda banjir kilat berikutan paras air naik mendadak terutama di kawasan berhampiran Tanjung Gemok, Bukit Rekoh dan Kampung Rekoh.

"Syukur air surut menjelang awal pagi tadi (semalam)," katanya.



BANJIR...beginilah keadaan dataran Tanjung Gemok, Rompin, Pahang yang dilimpahi air pasang, semalam.